



Nota Penyelidikan

Melaka sebagai pusat pelancongan dunia: Dapatkah dipertahankan?

Ang Kean Hua¹

¹Faculty of Environmental Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan

Correspondence: Ang Kean Hua (email: angkeanhua@yahoo.com)

Abstrak

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan sektor pelancongan di negeri Melaka melalui RMK1 - hingga RMK11. Ini termasuklah menyediakan kemudahan akses yang lengkap seperti jalan raya, kereta api dan kapal terbang. Penyediaan kemudahan akses di negeri Melaka telah dilakukan dengan baik. Bilangan pelancong antarabangsa dan tempatan yang melawat bandar bersejarah ini telah meningkat. Isunya ialah bagaimana untuk mengekalkan daya tarikan dan seterusnya meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke negeri pada masa akan datang. Artikel ini bertujuan untuk meneliti objek dan daya tarikan pelancong utama di negeri Melaka serta strategi kerajaan mengekalkan daya tarikan tarikan tersebut. Melalui kajian literatur dan pemerhatian, kajian mendapati bahawa objek tarikan pelancong utama yang telah dimajukan di negeri ini adalah tempat-tempat bersejarah yang menarik seperti Perkampungan Portugis, Kota Belanda, Kota A'Famosa, Pulau Besar, Perigi, Replika Keris, Pancuran Air Ratu Victoria, Bukit St. John, gereja-gereja, perkuburan barat, Batu Megalith, dan makam diraja. Selain itu, negeri Melaka juga semakin terkenal dengan pelancongan rekreasi dengan adanya *Melaka River Cruise*, Zoo Melaka & Safari Malam, Menara Taming Sari, dan lain-lain lagi. Keunikan dan keistimewaan ini melayakkan Melaka diangkat sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Kini pelbagai strategi digalurkan dan usaha terus dilakukan untuk menjaga, mengurus dan melindungi objek warisan dunia tersebut supaya sentiasa dihargai dan seterusnya mengangkat status pelancongan di negeri ini.

Katakunci: infrastruktur, keunikan sejarah, Melaka, pelancongan sejarah, pengekalan tapak, tapak Warisan Dunia UNESCO

Research Note

Malacca as a world tourism centre: Is it sustainable?

Abstract

The tourism industry has become a major factor in Malaysia's economic growth and the Malacca state has been a vital contributor to the industry. Various efforts have been made by the government to improve the tourism sector through the First Malaysian Plan (RMK1) until the Eleven Malaysian Plan (RMK11). However, there is concern with the adequacy of the infrastructures provided given the unique attraction of the state as historical city and a designated UNESCO World Heritage Site. This research note described and discussed the ability of Malacca tourism to sustain itself. The historical uniqueness Malacca needs to be maintained through sound management and protection.

Keywords: historical tourism, historical uniqueness, infrastructures, Malacca, site preservation, UNESCO World Heritage Site

Pengenalan

Pelancongan boleh ditakrifkan sebagai pergerakan atau perjalanan manusia yang bersifat sementara ke sesuatu destinasi di luar lingkungan tempat tinggal ataupun tempat bekerja, dengan tujuan untuk melihat alam semula jadi, berehat, bercuti, urusan kerja, atau menjalankan sebarang aktiviti yang menyenangkan hati (Mathieson & Wall, 1982). Manakala World Book Dictionary (Clarence & Robert, 1992) merujuk pelancong sebagai seseorang yang mengembara dengan tujuan untuk berseronok. Manakala Rafferty (1993) pula berpendapat bahawa pelancongan adalah seseorang yang mempunyai tempoh masa lapang yang agak panjang dan berkemampuan dari segi kewangan untuk mengunjungi kawasan atau tempat yang jauh daripada kawasan yang selalu dilalui seperti tempat bekerja. Namun, menurut Mason (2003) pula, pelancongan adalah suatu aktiviti yang menggalakkan manusia keluar dari habitat asalnya untuk memenuhi kehendak individu dan memberi manfaat kepada sektor industri tertentu dari segi sosial, ekonomi dan persekitaran fizikal. Oleh itu, sektor pelancongan menjadi satu kegiatan aktiviti utama yang memberi nilai ekonomi dan nilai sosial kepada sesebuah negara.

Kebelakangan ini, sumbangan aktiviti pelancongan kepada ekonomi perkhidmatan sesebuah negara semakin ketara. Hal ini kerana apabila jumlah pelancong meningkat (tanpa mengira pelancong antarabangsa ataupun pelancong tempatan), penjana pendapatan kepada ekonomi negara juga turut meningkat. Oleh itu, terdapat banyak negara yang memberi tumpuan besar kepada sektor pelancongan untuk membangunkan ekonomi mereka, antaranya ialah negara Perancis, Amerika Syarikat, Jerman, Afrika Selatan dan lain-lain (Inskeep, 1996). Pembangunan sektor pelancongan tidak hanya melibatkan pihak kerajaan, tetapi juga memerlukan penglibatan langsung pihak swasta dan badan bukan kerajaan serta orang awam terutamanya dalam memajukan tempat menarik dan aktiviti yang boleh menggamit kedatangan pelancong selain menpromosikan aktiviti pelancongan negara berkenaan (Wahab & Cooper, 2003).

Di Malaysia, Melaka Bandaraya Bersejarah adalah antara tempat yang kian popular dan berjaya menarik jumlah pelancong yang ramai (Zaimah et al., 2015) (Er et al., 2014). Di sebalik kemajuan sektor pelancongan yang pesat, timbul keperluan bagaimana pihak kerajaan dapat mengekalkan momentum pertumbuhan dan meningkatkan sumbangan sektor tersebut kepada ekonomi negara, khasnya negeri Melaka. Persoalannya, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai tujuan tersebut? Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk mengolah tentang penelitian objek dan daya tarikan utama pelancong serta mengenal pasti langkah dan strategi yang digunakan untuk mengekalkan dan memajukan sektor pelancongan di negeri Melaka secara berterusan.

Strategi pembangunan pelancongan

Perkembangan aktiviti pelancongan seharusnya berterusan dan ia sepatutnya lestari. Bagi tujuan tersebut kerajaan Malaysia telah menggalurkan pelbagai strategi untuk membangunkan sektor pelancongan negara, termasuk di negeri Melaka. Ini kerana, selepas sektor pembuatan, sektor pelancongan adalah penyumbang terbesar kepada ekonomi negara Malaysia. Perkara ini boleh dibuktikan melalui pendapatan negara, pada tahun 2005 sebanyak RM 18.1 bilion telah disumbangkan oleh sektor pelancongan, dengan jumlah kedatangan pelancong sebanyak 16.4 juta (Saleh, 2008). Jumlah itu terus meningkat kepada RM 53.4 bilion dengan kedatangan jumlah pelancong yang direkodkan seramai 23.65 juta pelancong pada tahun 2009 (Yusof, 2012). Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam memaju dan mempromosi aktiviti pelancongan di negara ini. Usaha tersebut bermula sejak Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970 (RMK1) sehinggalah ke Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMK11). Bagi mencapai visi dan misi membangunkan sektor pelancongan, strategi pembangunan pelancongan nasional telah dinyatakan dalam RMK tersebut (Jadual 1).

Jadual 1. Strategi Pembangunan Pelancongan Nasional dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia

RMK	Strategi Pembangunan Pelancongan Nasional
1 (1966)	<ul style="list-style-type: none"> Berusaha menjadikan pelancongan sebagai <i>diplomatic barometer</i> kedamaian dan persahabatan dengan negara-negara lain. Menggalakkan pihak swasta agar turut terlibat dalam pembangunan di luar bandar.
2 (1971)	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan tempat dan kemudahan pelancongan bagi membolehkan 'lawatan berkeliling' bagi tiap-tiap negeri supaya pelancong dalam negeri dapat melawat tempat-tempat tertentu lebih lama semasa bercuti. Mengadakan tempat dan kemudahan pelancongan di sepanjang jalan raya yang besar untuk pelancong serantau dan tempatan. Memajukan tempat dan kemudahan pelancongan meliputi kawasan utara dan selatan Malaysia Barat dengan tujuan untuk menggalakkan perjalanan pelancong serantau dan antarabangsa dengan menggunakan pengangkutan udara dan darat yang tersusun. Menggalakkan perjalanan dengan pengangkutan udara melalui Sabah dan Sarawak dan lawatan berkeliling dalam tiap-tiap negeri untuk pelancong antarabangsa dan tempatan.
3 (1976)	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan, memperbaiki taraf hidup rakyat serta mewujudkan peluang pekerjaan terutama dalam sektor berkaitan industri pelancongan seperti perniagaan runcit, pengangkutan dan pembekalan makanan serta lain-lain. Membangunkan tempat penginapan, kemudahan pengangkutan dan riadah. Bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan seperti Keretapi Tanah Melayu (KTM), MAS, dan Masmara Sdn.Bhd. untuk memberi pengetahuan tentang negara kepada penduduk. Memberi taraf perintis, galakan kedudukan dan tempat mengurangkan cukai pendapatan sebagai usaha membangunkan sektor pelancongan. Menyediakan kursus dan latihan oleh PKP untuk perbaikan perkhidmatan, MARA memulakan Sekolah Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan bagi melatih tenaga kerja mahir dan separuh mahir.
4 (1981)	<ul style="list-style-type: none"> Membentuk Jawatankuasa Kabinet Pelancongan untuk melaksanakan strategi penggalakan dan pelaburan swasta dengan menawarkan pelbagai insentif seperti cukai kastam eksais dan jumlah ke atas peralatan bagi kegunaan pelancong serta insentif pengecualian cukai yang berpatutan.
5 (1986)	<ul style="list-style-type: none"> Menggalakkan kempen serta memberi peruntukan yang lebih besar kepada TDC, meluaskan aktiviti pemasaran pelancongan di luar negeri dan tempatan, galakan cukai (Akta Galakan Pelaburan 1968, Galakan Hotel, menyediakan kemudahan cara kemasukan pelancong, serta membangunkan destinasi pelancongan terpilih termasuk di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kuching yang merupakan destinasi utama pelancong.
6 (1991)	<ul style="list-style-type: none"> Mengembleng dan menyalurkan pelaburan ke wilayah serta aktiviti-aktiviti terpilih yang berpotensi untuk menghasilkan pertumbuhan pelancongan khususnya dari segi peningkatan peluang-peluang pekerjaan, pendapatan, nilai ditambah dan rantaianya dengan lain-lain sektor ekonomi. Strategi ini telah menyediakan sokongan yang diperlukan untuk menggalakkan pelancongan di peringkat antarabangsa dan juga tempatan.
7 (1996)	<ul style="list-style-type: none"> Mempelbagaikan produk dan perkhidmatan baru untuk memenuhi beraneka permintaan dan minat para pelancong antarabangsa dan tempatan bagi mengurangkan pergantungan ke atas rangkaian produk dan prasarana pelancongan yang terhad. Selain daripada memasarkan keindahan semula jadi Malaysia, kebudayaan dan warisan sejarah, pembangunan produk baru akan ditumpukan kepada promosi negara ini sebagai destinasi membeli-belah, kegiatan sukan, konvensyen serta mempunyai tarikan istimewa berkaitan dengan pengembaraan dan aktiviti berasaskan air. Memastikan promosi dan pemasaran yang lebih berkesan untuk pasaran luar negara dan tempatan. Menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor swasta dalam produk pelancongan yang berinovatif serta projek dan termasya khas. Meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan terutamanya usahawan kecil dalam pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang mempunyai ciri tersendiri. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang dikenal pasti. Mempertingkatkan dan menyediakan kemudahan perhubungan untuk memasuki negara dan di dalam negeri. Langkah akan diambil untuk terus meningkatkan rangkaian perhubungan ke negara ini dan juga dalam negeri. Memberi tumpuan yang lebih terhadap latihan secara formal serta latihan sambil bekerja dengan tujuan memenuhi permintaan tenaga kerja yang meningkat.

RMK	Strategi Pembangunan Pelancongan Nasional
8 (2001)	<ul style="list-style-type: none"> • Menekankan pembangunan lestari; (keseimbangan antara keperluan ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar dalam semua perancangan dan pelaksanaan aktiviti pelancongan). Pemuliharaan persekitaran fizikal dan warisan budaya yang merupakan produk pelancongan yang menjadi tarikan utama dan merupakan aset yang sensitif yang perlu dipelihara dengan cermat. Taman alam semula jadi, sungai, tasik, gua, tanah lembab dan kawasan perlindungan liar. • Memberi tumpuan kepada pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam pembangunan pelancongan; (inovasi dan kekuatan sektor swasta, layanan mesra, budi bahasa dan kesedaran sivik dalam kalangan orang ramai serta sokongan kerajaan dalam usaha memajukan industri pelancongan). Akaun Satelit Pelancongan (TSA) yang berperanan mengurus maklumat berhubung dengan kesan aktiviti pelancongan ke atas pengeluaran, pendapatan, kekayaan dan guna tenaga mengikut kaedah yang selari dengan Sistem Akaun Negara. • Menampilkan Malaysia sebagai destinasi yang menarik dengan suasana karnival sepanjang tahun. • Melaksanakan pembangunan produk dan promosi yang memberi tumpuan kepada pelanggan dengan mewujudkan pelancongan pelayaran seperti <i>cruise and yatching tourism</i>. • Meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia. • Menyedia dan meningkatkan rangkaian perhubungan. • Memastikan keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan pelancong.
9 (2006)	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pembangunan pelancongan mampan. • Meningkatkan pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif. • Menggalakkan dan memudahkan pelancongan domestik. • Menggiatkan aktiviti pemasaran dan promosi. • Meningkatkan pembangunan sumber manusia. • Menjamin keselesaan, keselamatan dan kebajikan pelancong. • Memberi fokus kepada pembangunan produk baru seperti eko pelancongan, agro pelancongan, pelancongan kebudayaan dan warisan, pelancongan mesyuarat dan pameran, pelancongan sukan dan rekreasi, pelancongan pendidikan dan Malaysia Rumah Kedua (Malaysia My Second Home).
10 (2011)	<ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan imej destinasi-destinasi utama pelancongan. • Memfokuskan hala tuju pembangunan pelancongan negeri berasaskan sembilan teras, iaitu eko-pelancongan, pelancongan warisan, pelancongan inap desa, pelancongan pantai dan pulau, pelancongan sukan, pelancongan mesyuarat dan pameran, pelancongan golf, pelancongan makanan dan membeli belah, serta pelancongan kesihatan. • Mewujudkan acara pelancongan utama dan program besar-besaran menjurus kepada peningkatan tahap keselamatan, kebersihan, dan keselesaan serta membangunkan fasiliti dan infrastruktur pelancongan. • Mempertingkatkan dan meneruskan pemasaran dan promosi produk pelancongan secara intensif ke negara-negara pasaran utama di Asia, Eropah dan Indo China. • Memberi penekanan kepada peningkatkan kualiti latihan dan pembangunan sumber manusia dalam memastikan mereka yang memainkan peranan dalam industri ini dapat memberikan perkhidmatan berkualiti.
11 (2016)	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan dan memulihara tempat bersejarah, peruntukan dan menaik taraf infrastruktur berkaitan pelancongan dan juga peningkatan kualiti produk pelancongan dan perkhidmatan. • Membangunkan produk di kawasan ceruk rantau akan terus diberi penekanan berdasarkan keperluan pasaran sasaran dan kekuatan relatif dan perbandingan faedah di pelbagai negeri. • Membangunkan pelancongan domestik sebagai satu keutamaan penting dan akan di promosikan secara aktif. • Mempromosi secara berkesan dan memfokuskan pelanggan, mengembang dan mempelbagai asas pasaran pelancongan. Usaha pemasaran dan promosi diperkemas agar jenama Malaysia sentiasa dibangunkan di pasaran luar negara yang utama dengan memperkukuhkan imej negara sebagai destinasi pilihan utama. • Membangunkan sumber manusia bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dan profesionalisma, bagi memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan dalam mempermudah pertumbuhan industri pelancongan yang cekap dan berdaya saing. • Meningkatkan pembinaan infrastruktur sokongan seperti pengangkutan udara, darat, dan laut untuk memastikan kecekapan, tahap ketersampaian yang tinggi dan pertumbuhan yang kekal di dalam industri pelancongan • Kualiti perkhidmatan, keselesaan, keselamatan dan perlindungan pelancong adalah sangat penting bagi menjayakan industri pelancongan. Usaha akan terus dijalankan untuk membina imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang selamat di samping perkhidmatan yang berkualiti tinggi. • Membina kerjasama serantau secara aktif bagi memanfaatkan faedah sinergi.

Sumber: Pejabat Perdana Menteri Malaysia 2012.

Industri pelancongan yang terdapat di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa, iaitu pelancongan etnik, pelancongan budaya, pelancongan sejarah, pelancongan alam sekitar, pelancongan rekreasi, dan pelancongan hiburan. Kesemua kategori ini terkandung dalam negeri Melaka, dimana aktiviti pelancongan boleh dijelaskan dalam 11 subsektor dalam Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah bagi tahun 2000-2015, yang terdiri daripada pelancongan warisan, pelancongan kebudayaan, pelancongan rekreasi (ekopelancongan), pelancongan sukan, pelancongan membeli-belah, pelancongan konvensyen, pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, pelancongan makanan, pelancongan tani, dan pelancongan belia (atau youth tourism).

Pada tahun 1980an, strategi pembangunan pelancongan yang menjadi tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) untuk menarik perhatian dan meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri Melaka melalui perancangan dan penyediaan kemudahan prasarana, dan menggalakkan dan memperkenalkan negeri Melaka di pasaran domestik dan antarabangsa. Antara pembinaan yang dapat dilihat melalui pembinaan Ayer Keroh Country Resort, Taman Mini Malaysia dan Mini Asean, Tanjung Bidara Beach Resort, Medan Portugis, Istana Kesultanan Melayu (Bandar Hilir, Melaka), Air Pana Gadek (Fasa I dan II), Pusat Pelancongan Ayer Keroh, Taman Lagenda, Puteri Gunung Ledang dan Gelanggang Silat, Perigi Hang Tuah, dan Duyong Melaka (Portal Rasmi PKNM, 2015). Sehingga kini, pada tahun 2010, strategi pelancongan adalah lebih fokus kepada 12 sub-sektor dengan bertemakan 'Melawat Melaka Bersejarah Beerti Melawat Malaysia', mempertingkatkan promosi pelancongan Melaka berasaskan domestik dan antarabangsa, menyediakan prasarana yang lengkap dengan sumber manusia yang mencukupi, mempromosikan *Niche Market* atau *Niche Product*, dan mempertingkatkan kajian dan pembangunan. Walaupun strategi dalam pembangunan pelancongan dapat dirancang dengan baik dan cemerlang, namun terdapat beberapa strategi dilihat sebagai mencabar dan sukar untuk dicapai. Oleh itu, kajian literatur melalui pemerhatian dijalankan untuk menilai perancangan strategi melalui aktiviti pelancongan yang tertumpu kepada negeri Melaka dalam meningkatkan kualiti industri pelancongan sebagai Bandar Warisan dan Budaya.

Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah: Latar belakang sosiobudaya

Kedudukan koordinat bagi negeri Melaka ialah 2°11'39.87"N, 102°14'56.63"E (Google Earth, 2015). Manakala kedudukan geografi negeri Melaka pula adalah terletak di Barat Daya Semenanjung Malayasia yang menghadap Selat Melaka dengan bersempadan dengan Negeri Sembilan di Utara dan Johor di Selatan (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka – Peta Melaka). Negeri Melaka merupakan negeri yang ketiga kecil selepas negeri Perlis dan negeri Pulau Pinang, yang mempunyai keluasan 1,650 km² dan dibahagikan kepada tiga daerah iaitu Melaka Tengah (300 km²), Alor Gajah (660 km²) dan Jasin (676 km²) (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka – Peta Melaka). Melaka Tengah merupakan bandar utama kepada negeri Melaka. Keistimewaan sebagai salah satu pusat pelancongan di negeri Melaka adalah amat memerlukan kemudahan akses yang tinggi bagi memudahkan pelancong menuju ke destinasi yang dirancang. Antara kemudahan aksesibiliti yang diketengahkan adalah jalan raya, pengangkutan kereta api, dan pengangkutan kapal terbang. Merujuk kepada Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, terdapat dua kaedah dalam menggunakan jalan raya untuk sampai ke destinasi pelancongan ini, iaitu menggunakan Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) atau menggunakan jalan raya tepian pantai (sekiranya perjalanan daripada Kuala Lumpur, perlu melalui Klang, Morib dan Port Dickson; sekiranya perjalanan daripada Singapura, perlu melalui kawasan kampung dan ladang). Di samping itu, perkhidmatan pengangkutan kereta api hanya dibekalkan oleh syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), yang hanya mempunyai satu stesen sahaja iaitu stesen Batang Melaka yang terletak di Jasin berhampiran dengan sempadan Negeri Sembilan. Manakala perkhidmatan pengangkutan kapal terbang pula terletak di bandaraya Melaka, yang dikenali sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (Malacca International Airport).

Penduduk negeri Melaka adalah sebanyak 842,500 orang, di mana pecahan kaum adalah terdiri daripada Melayu (530,500 atau 65.7%), Cina (211,600 atau 26.2%), India (50,200 atau 6.2%),

Bumiputera Lain (10,300 atau 1.3%), lain-lain (4,300 atau 0.5%), dan bukan warganegara (35,600 atau 4.2%) (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Kebudayaan yang terdapat di negeri Melaka ialah kebudayaan yang berasaskan etnik kaum Melayu, Cina, India, Baba dan Nyonya, Portugis, Chitty dan Eurasia. Pelbagai adat dan tradisi yang diamalkan oleh suku kaum tersebut kini diadun semula menjadi produk pelancongan (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Setiap kaum mengamalkan adat keagamaan, menganjurkan festival, mempamer dan mengadakan pertunjukan budaya; mereka juga menghiasi bangunan dengan pelbagai bentuk seni bina, memakai pakaian, barang kemas dan memakan makanan tradisional; dan menghasilkan kraftangan yang menggambarkan budaya suku kaum masing-masing. Oleh itu, aktiviti pelancongan di negeri Melaka bukan sahaja berkisarkan tentang tempat-tempat bersejarah, tetapi juga dimeriahkan dengan pelbagai festival keagamaan, sambutan perayaan tradisional serta budaya dan adat istiadat yang dipamerkan bagi sesuatu keraian.

Dari segi adat, organisasi sosial orang Melayu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu adat Temenggung (suami menjadi ketua keluarga) dan adat Perpatih (isteri menjadi ketua keluarga). Manakala organisasi sosial kaum Cina pula boleh dibahagikan mengikut suku kaum atau dialek seperti Hokkien, Cantonese, Hakka, Teochew, dan Hainanese. Kebanyakan kaum Cina masih mengamalkan adat istiadat seperti makanan, bahasa dan kebudayaan masing-masing. Bagi kaum India pula, walaupun masih ramai yang tinggal dan berkerja di ladang, namun ada juga yang tinggal di bandar dan menjalankan perniagaan seperti barang kemas, fabrik, peniaga runcit, pedagang dan peminjam wang (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Mereka juga mengamalkan budaya tradisionalnya yang tersendiri seperti tarian joget ronggeng dan joget lambak, serta permainan tradisional seperti galah panjang dan congkak, ketak ketuk dan pukul belanga.

Antara kebudayaan berasaskan kaum yang paling unik di negeri Melaka adalah budaya Baba dan Nyonya. Suku kaum Baba dan Nyonya adalah terdiri daripada Cina Peranakan yang nenek moyang mereka berasal dari negara China dan telah berkahwin dengan wanita tempatan. Perkahwinan campur ini telah melahirkan suatu suku etnik Cina yang Kemelayuan. Mereka mengamalkan budaya yang tersendiri, berbeza daripada adat dan budaya orang Melayu ataupun Cina Melaka yang lain. Kebanyakan Nyonya Melaka memakai sarung kebaya dengan pelbagai bentuk 'brooch' dan memakai barang kemas yang kelihatan unik.

Selain suku kaum Baba dan Nyonya, wujud sub-suku kaum lain yang membentuk komuniti kecil yang dikenali sebagai Chitty. Suku kaum Chitty ini merupakan orang peranakan India yang nenek moyang mereka adalah pedagang berasal dari negara India, berkahwin dengan wanita Melayu tempatan. Sebagai bukti kewujudan masyarakat Chitty, majoriti kampung mereka terletak di arah barat Jalan Gajah Behrang, yang dikenali sebagai Kampung Chitty di negeri Melaka. Keturunan mereka membentuk komuniti Chitty yang juga unik. Lebih unik lagi adalah kehadiran etnik Portugis. Disebabkan negeri Melaka pernah dijajah oleh orang Portugis, terdapat satu petempatan Portugis di Melaka yang dikenali sebagai sebagai Padre Sua Chang (Tanah Paderi), dibina pada tahun 1930. Kebanyakan penduduknya adalah keturunan Portugis yang dalam kalangan orang tempatan lebih dikenali sebagai orang Eurasia. Kebanyakan mereka bekerja sebagai nelayan, beragama Katolik dan berbahasa Cristang atau Cristao (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015).

Kehadiran pelbagai suku etnik minoriti dengan masing-masing mendiami petempatan khusus di Melaka Bandaraya Bersejarah, mengamalkan adat dan budaya yang tersendiri, mempamerkan penampilan serta gaya hidup yang berbeza dengan suku kaum lain, menjadikan bandaraya tersebut kelihatan meriah dengan pola kehidupan yang berwarna-warni. Selain tempat menarik dan tempat bersejarah, kebudayaan adalah tarikan pelancong yang signifikan kepada negeri Melaka.

Perbincangan

Pelancongan di negeri Melaka boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu, pelancongan bersejarah, pelancongan rekreasi, pelancongan sosio budaya, dan pelancongan berbagai (termasuk fizikal dan bukan fizikal).

Pelancongan bersejarah dan pelancongan rekreasi

Pelancongan utama di negeri Melaka boleh dibahagikan kepada pelancongan bersejarah dan pelancongan rekreasi. Merujuk kepada Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, terdapat beberapa kawasan yang menjadi tarikan utama bagi pelancongan bersejarah dan pelancongan rekreasi, seperti yang terdapat di dalam jadual berikut:

Pelancongan Bersejarah	Pelancongan Rekreasi
Kota A'Famosa	Melaka River Cruise
Bastion Middleburg	Melaka Zoo & Night Safari
Stadthuys	Taman Buaya Melaka
Malacca Light	Taman Rama-Rama & Reptilia
Perigi Hang Tuah	Taman Mini Malaysia & Taman Mini ASEAN
Perigi Hang Lipo	Kampung Buku Malaysia Melaka
Perigi Portugis	Kompleks Falak Al-Khawarizmi
Kincir air Kesultanan Melayu Melaka	Taman Botanical Melaka
Pulau Besar	Hutan Rekreasi Sungai Udang
Tugu Pahlawan Melaka	Tanjung Tuan (Cape Rachado)
Pancuran Air Ratu Victoria	Tasik Ayer Keroh
Bukit St. John @ Kubu St. John	Kolam Air Panas Gadek
Memorial Tun Abdul Ghafar Baba	Menaiki Beca
Memorial PengistytiharanKemerdekaan	Menaiki Kereta Lembu
Kota Belanda	Menara Taming Sari
Replika Keris	

Sumber: <http://www.melaka.gov.my/my/pelancongan/pelancongan-1>

Kajian penyelidikan yang dilakukan oleh Er Ah Choy (2013), menunjukkan kebanyakan responden berkunjung ke Melaka dengan bertujuan untuk melawat kawasan Bandar Warisan dan melihat tapak bersejarah, di samping menghayati pelancongan rekreasi yang disediakan oleh kerajaan negeri Melaka. Antara tapak bersejarah yang menarik pelancong datang ke negeri Melaka ialah perkampungan Portugis, Kota A' Famosa, perigi Hang Lipo, perigi Hang Tuah, Pulau Besar, dan sebagainya (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Kedatangan Portugis telah mewujudkan pintu gerbang kubu di Melaka yang dikenali sebagai Kota A' Famosa. Pintu gerbang ini sangat penting bagi portugis kerana ia merupakan tembok yang panjang dan bertindak sebagai pertahanan bagi portugis. Selain itu, kawasan dalaman pintu gerbang juga mempunyai bilik simpanan senjata, kediaman kapten dan kuarter pegawai. Walaupun pintu gerbang ini pernah dijajah oleh kuasa lain seperti Belanda pada tahun 1641 dan bertukar tangan kepada pihak British, namun pintu gerbang masih kekal sehingga hari ini dan menjadi sejarah paling penting kepada negara, selain daripada menyumbangkan kepada industri pelancongan (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Semasa pemerintahan Belanda, satu kubu yang bernama kubu St John dibina pada tahun 1760 bagi melindungi daripada serangan musuh yang datang dari arah barat. Keistimewaan meriam yang diletakkan menghala ke sebelah barat adalah ianya boleh menghadap ke sebelah pedalaman. Terdapat beberapa meriam yang menghala ke laut bagi memudahkan membuat serangan ke atas kapal perang musuh. Disebabkan penjajahan oleh kuasa barat pernah berlaku di negeri Melaka, maka terdapat pelbagai struktur pembinaan telah wujud sehingga hari ini. Sebagai contohnya, pancuran air Ratu Victoria yang dibina pada tahun 1904 bertujuan untuk memperingati pemerintahan jubli Ratu Victoria, dimana pemerintahan oleh Belanda pada masa itu mementingkan kepada pengutipan cukai. (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Walau bagaimanapun, peristiwa pengutipan cukai berhenti apabila bermulanya aktiviti perlombongan yang berlaku di Nanning. Tidak dilupakan juga kepada pembinaan seperti Tugu Pahlawan Melaka, Memorial Tun Abdul Ghafar Baba, dan Memorial Pengistytiharaan Kemerdekaan juga dibina bagi mengenangkan jasa tokoh-tokoh atau peristiwa yang berlaku demi maruah negara yang tercinta ini.

Selain daripada pelancongan bersejarah, kerajaan negeri juga memperkenalkan pelancongan bertemakan aktiviti rekreasi sebagai penarikan pelancong kedua penting di negeri Melaka. Pelancongan rekreasi yang mendapat perhatian kepada pelancong adalah Menara Taming Sari, Melaka River Cruise, dan Melaka Zoo dan Night Safari. Menara Taming Sari adalah aktiviti untuk menyaksikan panorama yang indah pada ketinggian 80 meter (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Dari ketinggian tersebut pelancong dapat menghayati pemandangan keseluruhan tempat bersejarah di Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO (Ismail, 2008). Antara pemandangan yang dapat disaksikan adalah seperti Bukit St Paul, Dataran Pahlawan Melaka Megamall, Pulau Besar dan Selat Melaka. Oleh itu, kebanyakan pelancong amat teruja dan sangat menghayati dengan pemandangan seluruh Bandar Melaka dan amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan. Selain daripada pemandangan bandar daripada kawasan tinggi, Melaka River Cruise yang memberikan pengalaman pelayaran sejauh sembilan km sepanjang Sungai Melaka selama 45 minit memberikan keseronokan untuk menikmati pemandangan indah, bangunan-bangunan dan rumah-rumah kedai peninggalan era Belanda, rumah-rumah tradisional Melayu, dan pelbagai pemandangan yang menarik tentang peninggalan sejarah warisan dunia. Sekiranya pelancong memilih untuk merasai ketenangan dan keindahan alam sekitar, Melaka Zoo dan Night Safari yang terletak di Ayer Keroh, Melaka, dapat memenuhi permintaan tersebut. Sebagai pengetahuan umum, zoo tersebut merupakan zoo kedua terbesar di Malaysia dan menjadi 'habitat' kepada pelbagai spesies binatang harimau belang, tappir, kambing gurun, gajah dan kuda (Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka, 2015). Terdapat beberapa aktiviti pendidikan yang dijalankan di Zoo Melaka seperti 'KinderZoo' untuk kanak-kanak tadika, 'roadshow' kepada pelajar (sekolah, universiti), program gotong-royong, dan lain lain lagi. Selain daripada beberapa kategori pelancongan rekreasi yang dinyatakan diatas, kategori aktiviti yang lain juga dapat menambat hati pelancong yang melancong di negeri Melaka seperti Taman Botanical Melaka, Kolam Air Panas Gadek, Taman Mini Malaysia & Taman Mini ASEAN, Menaiki Beca, dan sebagainya.

Pelancongan sosio budaya dan pelancongan fizikal

Selain daripada pelancongan bersejarah dan rekreasi, pelancongan sosio budaya dan pelancongan berbagai juga memainkan peranan penting untuk menjadi faktor dalam menarik perhatian pelancong datang ke negeri Melaka. Kedua-dua kategori pelancongan ini boleh dijelaskan seperti dalam jadual berikut:

Pelancongan Sosio Budaya	Pelancongan Berbagai
Masjid Kampung Hulu	Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka
Masjid Kampung Kling	Dataran Pahlawan Melaka Megamall
Masjid Negeri	Tesco Melaka
Masjid Tengker	Mydin Mall
Masjid Cina	Melaka Mall
Tokong Cheng Hoon Teng	Pasar Raya Giant
Kuil Poh San Teng	Hang Tuah Mall
Kuil Poyatha Moorthi	Jonker Walk
Gereja Christ	Masakan Portugis
Gereja Sant Francis Xavier	Masakan Baba & Nyonya
Gereja Saint Peter	
Perkampungan Portugis	

Sumber: <http://www.melaka.gov.my/my/pelancongan/pelancongan-1>

Negeri Melaka terdiri daripada berbilang kaum yang tinggal dan hidup bersama dengan mengamalkan adat etnik dan tradisi daripada nenek moyang mereka lagi. Antara kaum yang terdapat di negeri Melaka ialah Melayu, Cina, India, Baba dan Nyonya, Portugis, Chitty dan Eurasia. Perbezaan kaum ini dapat dilihat melalui makanan, adat keagamaan, perayaan, budaya, rekabentuk, pemakaian, barang kemas dan kraftangan. Sebagai buktinya, struktur pembinaan seperti masjid, tokong, kuil, dan gereja banyak terdapat

di negeri Melaka. Seperti yang diterangkan dalam latar belakang sosio budaya, sememangnya Baba dan Nyonya serta Chitty merupakan kebudayaan yang sangat istimewa di negeri Melaka. Sebagai contohnya, Baba dan Nyonya dari segi agama adalah tradisional Cina yang menyambut Tahun Baru Cina disamping mengamalkan adat resam melayu (Lee, 2008) (Ahmad, 1994). Manakala dalam pemakanan pula, masakan yang diamalkan adalah berunsurkan kepada pengaruh melayu, contohnya masakan 'Nyonya' yang terdiri daripada kari ayam kering, ayam goreng bercirikan nyonya atau *inci kabin*, dan masakan kuah ikan yang dikenali sebagai *pindang bandeng*. Dalam perkahwinan pula, selalunya lelaki (Baba) yang akan berkahwin dengan wanita tempatan (peranakan setempat). Terdapat juga keluarga dari pihak wanita (peranakan setempat) akan dihantar keluar negara Chian untuk mencari suami atau membawa masuk pengantin lelaki dari negara China. Dengan kata lain, kebanyakan keluarga yang lebih kaya adalah amat berharap membawa masuk suami atau lelaki ke dalam keluarga isteri (Ooi, 2004). Bagi kebudayaan Chitty pula, kebanyakan masyarakat adalah beragama Hindu dan menyambut perayaan hari Ponggol (Ravichandran, 2009). Masakan makanan bagi komuniti Chitty pula adalah tause dan itali, dimana ianya merupakan makanan tradisional yang dihidangkan semasa perayaan sahaja. Selain itu, masakan lain seperti nasi lemak kukus berlauk pinding ikan parang, urap kelapa, kacang goreng minyak, sambal taik minyak, dan kangkung tumis juga terdapat semasa perayaan dilangsungkan. Dalam perkahwinan Chitty, mempunyai kesamaan dari segi pemakaian untuk pengantin lelaki dan perempuan dengan perkahwinan di India selatan, disamping memakai talpa dan keris bagi pengantin lelaki serta memakai baju panjang labuh dan sarong dengan dihiasi sanggul lintang dan tiara bagi pengantin perempuan. Oleh itu, perayaan bagi Baba dan Nyonya serta Chitty merupakan satu sambutan yang diperkenalkan, dipromosikan, dan disenaraikan sebagai salah satu tarikan pelancongan penting di negeri Melaka yang harus dipertahankan daripada ditelan zaman.

Seterusnya, pelancongan berbagai turut memainkan peranan dalam meningkatkan kadar kedatangan pelancong ke negeri Melaka. Antara pelancongan berbagai yang terlibat adalah pusat membeli-belah dan masakan tradisional tempatan yang disediakan di negeri Melaka. Aktiviti yang berjaya menarik pelancong adalah Jonker Walk, yang beroperasi di kawasan bandar dengan menjual barangan antik, sebagai contohnya koleksi kipas dekoratif, kraftangan, dan bakul bertingkat Baba. Dengan kata lain, setiap pelancong yang datang ke negeri Melaka akan mengambil kesempatan untuk singgah dan berjalan-jalan di sepanjang Jonker Walk bagi mendapatkan barangan antik dengan harga yang berpatutan. Terdapat pelancong yang datang ke negeri Melaka dengan bertujuan untuk merasai makanan tradisional tempatan seperti masakan Portugis atau masakan Baba dan Nyonya. Antara masakan yang disediakan oleh Baba dan Nyonya adalah gabungan makanan cina dengan melayu yang berintikan herba-herba, laksa lemak (mi dan udang bersama kuah laksa bersantan), mi siam dan nasi kunyit. Manakala masakan Portugis yang popular adalah Devilas Curry (kari yang mempunyai 12 perasa bersama isi ayam atau daging), garing-garing (snek ikan digabung dengan sayuran mentah), dan ikan bakar Portugis. Selain daripada masakan tradisional, masakan tempatan yang disediakan dinegeri Melaka seperti nasi ayam bebola, kuih udang Alor Gajah, cendol, asam pedas Melaka, dan cencaluk. Walaupun pelancongan berbagai dikategorikan sebagai faktor sumbangan yang kecil, namun pelancongan bercirikan makanan harus dipertingkatkan agar budaya makanan tradisi dapat diteruskan dan menjadi salah satu kebanggaan kepada negeri Melaka dan negara Malaysia.

Rumusan

Negeri Melaka merupakan negeri bersejarah yang diiktiraf sebagai UNESCO Tapak Warisan Dunia pada 7 Julai 2008 (Ismail, 2008), yang membawa kepada pelancongan berasaskan sejarah. Antara peristiwa penting seperti penjajahan, penaklukan dan pemerintahan oleh negara Barat telah meninggalkan seribu satu impak positif dan negatif kepada negeri Melaka. Dengan manfaat yang diperolehi di negeri Melaka, kerajaan Malaysia mengambil inisiatif ini dengan mempertingkatkan dan mempromosikan pelancongan melalui beberapa tema seperti 'Fascinating Malaysia. Year of Festivals' pada tahun 1990 dan 'Fascinating Malaysia. Naturally More' pada tahun 1994 dengan menggunakan slogan 'Visit Malaysia Year';

‘Celebrating 50 years of Nationhood’ pada tahun 2007 dan ‘Celebrating 1Malaysia Truly Asia’ pada tahun 2014 dengan slogan ‘Malaysia Truly Asia’; serta ‘Endless Celebrations’ pada tahun 2015 dengan slogan ‘Malaysia Year of Festivals 2015’ atau MyFEST 2015 (Portal Rasmi MyFEST, 2015).

Pencapaian pada kadar ketibaan pelancong adalah positif atau meningkat pada setiap tahun, dan menandakan pendapatan kedua penting kepada ekonomi negara. Melalui pelbagai perancangan dan strategik pembangunan pelancongan, aktiviti pelancongan berasaskan domestik dan antarabangsa, prasarana lengkap dengan sumber manusia mencukupi, dan mempertingkatkan kajian dan pembangunan wajib diutamakan. Hal ini kerana keberjayaan dalam mengekalkan kualiti dan kuantiti pelancongan adalah bergantung kepada keberkesanan perancangan dan strategik pembangunan pelancongan. Oleh itu, strategik pelancongan harus disamakan dengan pelaksanaan terhadap aktiviti-aktiviti pelancongan ini agar ianya bukan sahaja menandakan ekonomi semata-mata, tetapi kesinambungan kualiti sejarah dan sosio budaya melalui adat resam dapat dikekalkan dari satu generasi hingga generasi yang akan datang.

Selain itu, pelancongan bersejarah dan pelancongan rekreasi harus dijaga dan diurus dengan terperinci. Hal ini kerana pembangunan yang berlaku di negeri Melaka adalah pada tahap yang maksimum dan pada kadar pesat. Jadi, sekiranya pembangunan melalui pembinaan bangunan secara konkrit akan menjejaskan fizikal struktur binaan sejarah secara tidak langsung, dan kerajaan negeri harus mengawal dan mengurangkan pembinaan bangunan yang berlaku secara berleluasa. Kajian dilakukan oleh Samsir *et al* (2014), juga mencadangkan bahawa elemen pendidikan boleh dipadukan dengan aktiviti umum dan khusus dan mengandungi ciri-ciri pendidikan konservasi dan alam sekitar, agar kualiti dan kuantiti dapat dikekalkan. Di samping itu, kemajuan permodenan yang berlaku juga menjejaskan pelancongan sosio budaya dan pelancongan berbagai secara langsung. Sebagai contohnya, pemakaian moden seperti ‘baju tee’ menyebabkan pakaian tradisional Baba dan Nyonya mahupun Chitty ‘dilupai’ dan kurang menarik minat golongan muda untuk memakainya. Keadaan ini juga menjejaskan makanan tradisional yang diamalkan sejak turun-temurun digantikan dengan makanan segera seperti ‘KFC’ atau ‘Mc Donald’. Oleh itu, kerajaan harus mewajibkan pemakaian tradisional semasa perayaan dan mengiktirafnya sebagai salah satu aktiviti pelancongan yang dapat didedahkan kepada dunia tentang keunikan dan keistimewaan yang terdapat di negeri Melaka.

Rujukan

- Ahmad AG (1994) The architectural style of the Peranakan Cina. Minggu Warisan Baba dan Nyonya, University Sains Malaysia.
- Choy EA (2013) Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 9(3), 12-23.
- Clarence LB, Robert KB (1992) *The World Book Dictionary*. World Book, Chicago.
- Er AC, Ahmad H, Idris NFM, Jusoh H, Ramli Z, Sum SM, Buang A, Jalil NHA, Sahazli N (2014) Analisis faktor kepuasan pelancong terhadap tarikan pelancongan warisan di Melaka. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10(8), 72-86.
- Google Earth (2015) Kedudukan koordinat Negeri Melaka.
- Inskeep E (1996) *Perancangan pelancongan: Pendekatan pembangunan bersepadu dan berkekalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ismail L (July 17, 2008) Melaka dan Georgetown Bandar Sejarah Selat Melaka. *Utusan Online*. Available from: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0717&pub=Utusan_Malaysia&sec=Impak_Alam&pg=al_01.htm.
- Lee SK (2008) The Peranakan Baba Nyonya Culture: Resurgence or Disappearance? *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 26, 161-170.
- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (2006) *Rancangan Tempatan Daerah Melaka Tengah 2000-2015*. Melaka.
- Mathieson A, Wall G (1982) *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Longman Group UK Limited, London.

- Mason P (2003) *Tourism Impacts, Planning and Management*. Biddles Ltd., Great Britain.
- Ooi KG (ed) (2004) *Southeast Asia: A historical encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor* (Vol. 1). Abc-clio.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka (2015) *Peta Melaka*. Available from: <http://www.melaka.gov.my/my/tentang-kami/peta-melaka>.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka (2015) *Fakta & Nombor*. Available from: <http://www.melaka.gov.my/my/tentang-kami/fakta-nombor>.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka (2015) *Kebudayaan*. Available from: <http://www.melaka.gov.my/my/tentang-kami/kebudayaan>.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Melaka (2015) *Tempat-Tempat Menarik*. Available from: <http://www.melaka.gov.my/my/pelancongan/tempat-tempat-menarik>.
- Portal Rasmi PKNM (2015) *Pembangunan Pelancongan*. Available from: <http://www.pknm.gov.my/index.php/2013-09-26-04-23-50/2014-04-18-04-05-22/kawasan-perindustrian-milik-pknm/10-peranan-pknm>
- Portal Rasmi MyFEST (2015). History of Visit Malaysia Year. Available from: <http://www.myfest2015.com.my/about-myfest-2015/history-of-visit-malaysia-year>.
- Rafferty MD (1993) *A Geography of World Tourism*. Prentice Hall, Englewood Cliffs, NJ.
- Ravichandran M (2009) The Evolution of The Chitty Community of Melaka. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 36, 1-15.
- Saleh Y (2008) Kajian Survival Warisan Budaya dalam Sektor Pelancongan di Negeri Melaka. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Samsir SW, Ahmad H, Jusoh H, Choy EA, Buang A, Mahmud M, Azman H, Ariffin SK, Makiya KR (2014) Pengintegrasian elemen pendidikan dalam pembangunan produk rekreasi di Tapak Warisan Dunia Melaka: Pendekatan pengusaha pelancongan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 10 (8), 13-25.
- Wahab S, Cooper (2003) *Tourism in the Age of Globalization*. Routledge, United Kingdom.
- Yusof YWA (2012). Developing Model of Transformation Leadership and Organizational Commitment in Homestay Program. *3rd International Conference on Business and Economic Research Proceeding* (pp. 1-11). Golden Flower Hotel, Bandung, Indonesia.
- Zaimah R, Er AC, Sarmila MS, Habibah A, Hamzah J, Sahazali N, Hanani N, Jalil A (2015) Kepuasan pelancong dengan Melaka sebagai destinasi pelancongan lestari: Satu kajian persepsi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11(1), 135-142.